

Anwar cadang mohon perkenan batal darurat

Kuala Lumpur: Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim mencadangkan semua Ahli Parlimen menghantar surat kepada Yang di-Pertuan Agong bagi memohon perkenan baginda membatalkan proklamasi darurat dan menitahkan sidang Parlimen diadakan secepat mungkin.

Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) dan Presiden PKR berkata, beliau sudah menghantar surat kepada semua Ahli Parlimen supaya mereka segera berbuat demikian.

“Dalam surat terbabit, saya mencadangkan kepada semua Ahli Parlimen supaya mengemukakan rayuan dalam kadar segera.

“Warkah terbabit juga hendaklah disesuaikan menurut pertimbangan mereka atau parti,” katanya dalam satumemo daripada Pejabat Ketua Pembangkang yang dilihat *BH*; semalam.

Anwar berharap, permohonan Ahli Parlimen nanti mendapat ihsan dan kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong untuk menarik balik pengisytiharan darurat dan seterusnya menitahkan agar sidang Parlimen diadakan dengan segera.

“Semoga warkah ini nanti mendapat ihsan dan kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong untuk menarik balik pengisytiharan darurat dan seterusnya menitahkan agar sidang Parlimen harus diadakan dalam kadar segera sebelum 31 Januari 2021.

“Ia (persidangan Parlimen) untuk membahaskan isu darurat, COVID-19 dan kemelut ekonomi yang melanda negara,” katanya yang turut menyertakan salinan surat dihantar beliau kepada semua Ahli Parlimen.

Dalam surat berkenaan, Ahli Parlimen Port Dickson itu antara lain mendakwa Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan kerajaan tersasar dalam menyampaikan nasihat kepada baginda apabila memohon proklamasi darurat yang disifatkannya tidak berkaitan dengan COVID-19, banjir atau kemelut ekonomi negara.

Anwar juga percaya, perundangan dan peruntukan sedia, termasuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKP Bersyarat (PKPB) dan PKP Pemulihan (PKPP) cukup untuk mengekang penularan COVID-19.



Anwar Ibrahim

Sehubungan itu, beliau menegaskan, cadangan dikemukakan Perdana Menteri adalah tanpa keabsahan dengan penyusutan jumlah Ahli Parlimen yang menyokong kerajaan.

“Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mempertikaikan langkah munasabah yang diambil bagi menangani wabak COVID-19.

“Namun, majoriti ahli Yang Berhormat menggesa agar Belanjawan 2021 harus menumpukan isu kesihatan, kelengkapan termasuk peruntukan setiap petugas barisan hadapan (kesihatan dan keselamatan),” katanya.

Katanya lagi, cadangan membentuk jawatankuasa bersama sudah diutarakan oleh ramai Ahli Parlimen sejak Mac tahun lalu.

“Ia tidak memerlukan darurat. Kemelut ekonomi amat memprihatinkan, manakala jumlah pengangguran, kemiskinan dan kesenjangan (ketidakseimbangan) bertambah.

“Darurat pastinya akan menyebabkan kedudukan ekonomi tambah meruncing,” katanya.